

02 SEP 1997

Mahathir-Mata Wang

LANGKAH JANGKA PENDEK UNTUK SEKAT MANIPULATOR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan terus mengadakan langkah jangka pendek untuk menyekat manipulator matawang dan pasaran saham daripada menggugat kestabilan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata langkah sedemikian adalah penting untuk mencegah kejatuhan mendadak dalam pasaran saham yang berpunca daripada tindakan mementing diri oleh sekumpulan pelabur asing.

Beliau mendedahkan bahawa "lambakan" saham baru-baru ini di Bursa Saham Kuala Lumpur telah mengakibatkan kehilangan kira-kira RM500 bilion dalam permodalan pasaran, sesuatu yang tidak boleh dibiarkan begitu sahaja oleh Malaysia.

"Kami mesti menyekatnya," katanya dalam satu rancangan soal jawab yang disiarkan secara langsung menerusi rangkaian televisyen Cable News Network (CNN) malam ini.

Dr. Mahathir juga berkata bahawa Malaysia telah "dimiskinkan" sebanyak 20 peratus akibat manipulasi berterusan ke atas matawang dan pasaran sahamnya, terutama sekali oleh kumpulan yang diketuai oleh pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros.

Tanpa langkah jangka pendek seperti menyekat jualan pendek...dan kecuali Malaysia mengatasi masalah sekarang secepat mungkin, "langkah jangka panjang (mungkin) tidak diperlukan," katanya.

Beliau juga berkata bahawa tidak seperti sesetengah negara lain yang "juga menderita" kerana manipulasi matawang dan pasaran saham, Malaysia mempunyai keupayaan untuk menangkisnya.

Dr. Mahathir mengakui bahawa langkah jangka pendek itu sudah tentu akan mempunyai kesan jangka pendek terhadap pelaksanaan Wawasan 2020 negara.

"...tetapi dalam jangka panjang, jika kami dapat mengatasi krisis matawang ini, kami yakin bahawa orang akan terus datang untuk mengurus niaga di Malaysia semata-mata kerana negara ini amat baik untuk perniagaan."

Beliau menegaskan semula bahawa terdapat dikotomi atau perbezaan antara prestasi syarikat-syarikat Malaysia dan harga saham mereka, sambil menyebut bahawa fundamental ekonomi Malaysia masih positif.

"Mereka ini (manipulator) sebenarnya adalah peniaga luaran, bukan peniaga dalaman kerana mereka tahu sebenarnya apa yang akan berlaku dan mereka masuk dan lakukannya... supaya mereka membuat wang untuk diri mereka sendiri dengan menjejaskan rakyat miskin di negara kita," katanya.

Ditanya oleh seorang penonton dari Hong Kong mengenai apakah beliau pasti bahawa George Soros, yang disifatkannya sebagai dungu, adalah di sebalik serangan ke atas ringgit, Dr. Mahathir berkata pemodal itu telah mengakui pembabitanya.

"...dia kata tentulah dia tidak begitu terlibat, tetapi kita tahu bahawa beliau mengendalikan beberapa dana dan dana-dana itu digunakan untuk menekan nilai ringgit.

"...dan mereka telah memulakan sesuatu yang tentunya telah diikuti oleh dana-dana lain, jika tidak bagaimana ringgit boleh susut nilai begitu cepat kecuali seseorang memanipulasinya.. ia tidak berlaku dengan sendirinya," kata Perdana Menteri.

Mengenai rancangan yang beliau ada untuk menangani mereka yang memanipulasi ekonomi Malaysia, katanya, "kita tidak ada kuasa seperti kuasa-kuasa besar untuk pergi ke luar negara dan menangkap orang yang menjejaskan ekonomi, tetapi kita ada rancangan untuk menyekat manipulasi

yang terlalu banyak seperti menyekat jualan singkat."

Mengenai sama ada ia adalah satu kesilapan untuk mengapungkan ringgit dan sama ada kadar faedah tetap merupakan satu penyelesaian pada krisis kewangan semasa, Dr Mahathir berkata: "... Kami percayakan pengapungan, tetapi mestilah ada sesuatu yang nyata yang boleh mempengaruhi nilai ringgit.

"Misalnya, jika ekonomi itu berprestasi baik, maka ringgit seharusnya meningkat tetapi jika ekonomi lembap, mungkin nilai ringgit harus susut nilai," katanya.

"Tetapi apa yang kami marahkan ialah orang yang memanipulasikan ringgit semata-mata mengaut keuntungan untuk diri sendiri dan dalam proses itu menyebabkan orang lain menderita ... jadi kadar tukaran asing tidak seharusnya diadakan, ia seharusnya ada kaitan dengan prestasi ekonomi sesebuah negara," katanya.

Mengenai kritiknya tentang duti import yang tinggi yang dikenakan ke atas barangan Malaysia apabila import ke Malaysia sendiri tertakluk kepada duti yang serupa, Dr Mahathir berkata sesetengah industri tempatan, seperti industri motor memerlukan beberapa perlindungan.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia menekankan kestabilan politik sebagai ramuan penting sebelum mengadakan dasar ekonomi, satu langkah yang membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

Beliau juga berkata masalah semasa Malaysia berpunca sebahagian daripada dasar ekonomi yang berpandangan ke luar, dengan pengagihan perdagangan sama rata di serata dunia, justeru itu hanya 18 peratus daripada jumlah dagangannya adalah dengan Amerika Syarikat, 20 peratus dengan Eropah dan 22 peratus dengan Jepun.

"Jadi kita mempunyai tebaran yang luas... tetapi banyak pelabur berada di negara ini untuk membeli saham di pasaran kita dan menolak naik harga dan kini memutuskan untuk melonggokkan saham dan menolak turun harganya.

"...jadi dari segi itu, kami amat terdedah kepada manipulasi dari sesetengah pelabur yang matlamat utama pastinya mengaut keuntungan untuk diri sendiri tidak kira apa yang akan terjadi kepada kita," katanya.

Dr Mahathir juga menafikan bahawa masalah semasa boleh menyebabkan lebih pelaburan dalam prasarana atau kekurangan sokongan prasarana, sambil berkata bahawa kritikan yang tahap pelabur dalam prasarana tidak dapat dikekalkan adalah tidak wajar.

-- BERNAMA

AD/MR SIA MAF OS RI